

**SOALAN NO. 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL**  
**[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ] minta MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan keberkesanan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal  
(I-KIT) di Parlimen Paya Besar.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Kementerian sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara terutamanya ibu tunggal agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri. Oleh yang demikian, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) akan memberikan latihan di peringkat awal kepada para wanita yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai usahawan melalui program seperti Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT). Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2008 dan masih giat dilaksanakan sehingga kini.

Objektif program I-KIT adalah untuk membekalkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang boleh dikomersialkan, membantu peserta meningkatkan potensi untuk berdikari dari aspek ekonomi setelah memperoleh kemahiran dengan mendapatkan pekerjaan ataupun memulakan usaha niaga sendiri dan membuka minda para peserta yang terdiri daripada ibu tunggal ke arah peningkatan kekuatan dan keyakinan diri serta memberikan motivasi supaya mereka terdorong untuk memajukan diri masing-masing.

Sehingga 30 Disember 2015, seramai 528 orang ibu tunggal di negeri Pahang telah menerima manfaat daripada program ini. Daripada jumlah tersebut seramai **80 ibu tunggal daripada Parlimen Paya besar telah menjalani latihan di bawah program I-KIT.** Data yang direkodkan menunjukkan keberkesanan program I-KIT yang dilaksanakan dengan sebanyak 86% atau 69 orang ibu tunggal telah berjaya menjadi usahawan yang menjana pendapatan sebanyak 50% daripada pendapatan asal selepas 6 bulan mengikuti latihan.